

PM: Kerja haji saya pun dimanipulasikan
MalaysiaKini.com
February 19,2012
Nigel Aw

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata, gambarnya mengerjakan haji pada November tahun lalu yang tersebar di Internet sengaja dimanipulasi untuk memburuk-burukkannya.

Gambar itu, kata Najib, menunjukkan beliau dikelilingi beberapa anggota tentera ketika rombongannya bertawaf dengan kumpulan yang menyertainya dipadam.

"Mereka ialah kumpulan anggota tentera yang mengawal. Saya tak pohon tetapi ia diberi kepada semua ketua negara Islam, tapi dijadikan polemik oleh pihak tak bertanggungjawab, yang post di Facebook dan Twitter," katanya.

Justeru, beliau menyifatkan, acara suci dengan niat ikhlas itu telah digunakan oleh individu tertentu untuk tujuan politik yang berniat jahat.

"Kumpulan saya buat tawaf dipadamkan orang di keliling, seolah-olah orang lain tak boleh lakukan tawaf, cuma saya lakukan tawaf," katanya.

"Satu ibadat yang suci dilakukan dengan niat baik diguna oleh orang berniat jahat untuk tujuan politik. Nak sekat tawaf pun tak mungkin. Sesiapa pernah buat haji tahu (tempat itu) penuh sesak dengan orang."

Bercakap dalam perhimpunan ulama dan dan penulis maya di Kuala Lumpur hari ini, Najib berkata, di alam maya, sesiapa pun boleh dijadikan sasaran melalui media sosial, termasuk dirinya sendiri.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/189609>